

13/09/2003

`Cabang komersial pikat pakar swasta ke hospital'

KERAJAAN akan memperkenalkan konsep cabang komersial swasta di hospital kerajaan bagi membolehkan doktor yang sedang berkhidmat mendapat imbuhan setimpal dalam usaha mengekalkan mereka berkhidmat dengan kerajaan.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata konsep itu diperkenalkan kerana kerajaan tidak dapat membayar gaji yang tinggi kepada pakar perubatan.

Langkah itu juga, kata Perdana Menteri, diharap dapat menarik pakar perubatan berkhidmat semula di hospital kerajaan sekali gus memberi rawatan yang lebih baik kepada orang ramai dengan kos berpatutan.

Beliau berkata, kerajaan memperuntukkan RM9 bilion, peningkatan 20.5 peratus daripada peruntukan 2003 untuk menyediakan perkhidmatan kesihatan dan perubatan berkualiti kepada rakyat.

Daripada jumlah itu, RM6.4 bilion adalah untuk perbelanjaan mengurus manakala RM2.6 bilion bagi perbelanjaan pembangunan dalam membiayai perkhidmatan rawatan perubatan seperti unit dialisis, unit rawatan intensif serta program mengurangkan morbiditi dan mortaliti di kalangan kanak-kanak, kata beliau.

Selain itu, katanya, kerajaan memperuntukkan RM3 juta bagi meningkatkan aktiviti pengesanan dan pengawasan serta diagnosis penyakit berjangkit seperti Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS), batuk kering, kusta dan denggi.

Kerajaan turut menggalakkan industri insurans kesihatan dengan menawarkan kos premium yang berpatutan dan mampu ditanggung sebahagian besar rakyat manakala syarikat perlu membiayai rawatan kepada pekerja mereka.

Katanya, kerajaan turut memansuhkan duti import 10 peratus ke atas makanan tambahan kesihatan bagi meningkatkan penjagaan kesihatan orang ramai.

Selain itu, pesara diberikan diskaun untuk harga ubat terpilih yang akan dijual di kaunter khas oleh syarikat penjagaan kesihatan, Pharmaniaga.

Pusat Kawalan Penyakit (CDC) yang diumumkan penubuhannya ketika Pakej Strategi Baru, Mei lalu, akan disegerakan pelaksanaannya dengan peruntukkan sebanyak RM20 juta untuk memastikan langkah pencegahan dilaksanakan bagi membendung dan menangani penyakit berjangkit seperti wabak SARS.

"Kerajaan turut melahirkan penghargaan kepada semua kakitangan hospital yang sanggup menghadapi risiko tinggi dalam memeriksa pelawat dan merawat pesakit SARS.

"Walaupun, kerajaan memberikan imbuhan, namun wang ringgit tidak dapat membayar segala jasa dan bakti yang mereka curahkan. Contohnya mereka ini," katanya.